

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan kad situasi, papan mini dan pen penanda.
 3. Guru akan mengedarkan kad situasi kepada setiap kumpulan dan situasi tersebut perlu dibincangkan di dalam kumpulan.
 4. Murid secara berkumpulan akan menulis respon terhadap situasi tersebut.
 5. Murid akan mengedarkan catatan mereka mengikut pusingan jam supaya setiap ahli kumpulan dapat menambah atau memperbetulkan apa yang ditulis.
 6. Guru akan memilih beberapa orang murid untuk menerangkan jawapan mereka di hadapan kelas.
 7. Murid lain boleh memberikan komen atau mencadangkan jawapan lain.
 8. Nyatakan tindakan untuk menunjukkan sikap tanggungjawab sebagai warganegara berdasarkan situasi di bawah :

Kad Situasi 1

Kamu menonton video pelancong luar negara memuji kebersihan Malaysia, tetapi di bahagian komen terdapat rakyat Malaysia yang menulis komen yang memalukan tentang negara sendiri.

Kad Situasi 2

Kerajaan telah melancarkan kempen mengurangkan penggunaan plastik, tetapi di pasar masih ramai pembeli yang menggunakan beg plastik.

Kad Situasi 3

Ibu kamu ingin membeli pakaian untuk Tahun Baharu Cina. Di pusat beli-belah, terdapat pelbagai pilihan barangan import, tetapi terdapat juga produk buatan Malaysia yang berkualiti.

Kad Situasi 4

Kamu menaiki kereta bersama keluarga ke bandar. Ayah kamu mahu memandu laju kerana lewat, tetapi had laju telah ditetapkan di kawasan tersebut.

9. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.